

UMP Metrai Persefahaman dengan HTAA Tingkat Kecekapan Perkhidmatan



Kuantan, 6 Mei- Dengan menggunakan konsep "Kaizen" untuk menambah kualiti kerja dan perkhidmatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia PAHANG (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) berjaya menghasilkan beberapa projek penyelidikan yang sedang dan akan dibangunkan bersama pihak HTAA.

Justeru, baru-baru ini berlangsung satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UMP dan HTAA bagi membantu menambahbaik terhadap penggunaan peralatan dan perkhidmatan di hospital berkenaan.

Hadir menandatangani MoU adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali manakala pihak HTAA diwakili Timbalan Pengarah Perubatan HTAA, Dr. Lutfi Ahmad Yassin dan Pakar Perunding dan Ketua Jabatan Patologi, Dr. Azlina Abd. Rahman.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, antara usaha yang sedang dijalankan adalah membangunkan sistem dan peralatan E-Nose bagi mengesan kadar bau cloroform atau formalin daripada bahan pengawet untuk pemeriksaan organ dalaman di makmal Jabatan Patologi HTAA.

"Kajian yang diketuai oleh Dr. Mohd Razali Daud ini membantu staf di Jabatan Patologi ini untuk mengesan kadar tinggi atau rendah bahan kimia yang digunakan agar tidak memberi kesan terhadap kualiti udara di makmal ini serta mengundang bahaya kepada petugas," katanya.



Ujar Dato' Dr. Daing, penyelidik UMP juga bakal menjalankan lima kajian iaitu auto stop blood bagi memudahkan pengumpulan darah semasa kempen derma darah, membangunkan robot bagi penghantaran sampel dan dokumen antara jabatan. Lain-lain adalah auto temperature control untuk peti sejuk bagi menyimpanan sampel dan temperature or PH level auto detector untuk kolam rehabilitasi.

Beliau berbangga dengan kumpulan penyelidik ini yang berjaya menggunakan kepakaran mereka dalam usaha membantu masyarakat sekitarnya. Usaha ini dilihat agar kewujudan universiti ini dapat dirasai dan suaranya didengari malahan mengharapkan agar usaha penyelidik UMP ini mampu menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang boleh dimanfaatkan bersama masyarakat.

Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut menghargai kerjasama dan kepercayaan pihak dalam memberi peluang kepada penyelidik UMP berkongsi kepakaran bagi menambahbaikan terhadap permasalahan yang mereka hadapi.

Selain itu juga jalinan kerjasama yang dirangka ini merupakan satu manifestasi kepada peningkatan kualiti akademik UMP dalam berkongsi kepakaran bersama masyarakat setempat dengan lapangan penyelidikan yang tidak terhad tetapi begitu luas.

Penyelidikan ini membabitkan Timbalan Dekan Akademik FKEE, Prof. Madya Dr. Hamzah Ahmad, Ketua Teknikal FKEE, Dr. Muhammad Sharfi Najib dan Ketua Program FKEE, Dr. Saifudin Razali.

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 08-05-2015, 16:24:29